

22 JUL 1997

MAHATHIR PULANG SELEPAS PERCUTIAN BEKERJA DUA BULAN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air petang ini selepas menamatkan "percutian bekerja" selama dua bulan di luar negara.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang kira-kira pukul 5.45 petang dari Okayama selepas melakukan lawatan bercuti dan bekerja ke Jepun selama tujuh hari.

Sebelum itu beliau telah melawat beberapa negara termasuk di Eropah dan Asia Barat.

Ketibaan Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut di lapangan terbang itu oleh Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjadi Pemangku Perdana Menteri dalam tempoh itu mulai 19 Mei.

Dr Mahathir telah memberitahu wartawan Malaysia di Okayama sebelum berlepas pulang bahawa beliau akan bekerja semula esok.

Bilik VIP di lapangan terbang itu penuh sesak dengan menteri, timbalan menteri, pegawai kanan kerajaan, tokoh korporat dan pembesar asing yang datang untuk bertemu dengan Perdana Menteri. -- BERNAMA

ES NMO